

# Makalah Akademia

## PERTALIAN SENI DAN ALAM SEKITAR

Oleh  
Ts. MOHAMAD QUZAMI AN-NUUR  
BIN AHMAD RADZI

Pusat Pengajian Seni Lukis dan Seni Reka,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan  
Perak, Kampus Seri Iskandar,  
32610, Seri Iskandar, Perak

[quzami@uitm.edu.my](mailto:quzami@uitm.edu.my)

Editor: Nursyazni Abdul Rahim

**“Seni anyaman merupakan salah satu seni yang mengaplikasikan alam sekitar daripada bahan sehingga kepada motif pada produk akhirnya. Hasil seni anyaman ini biasanya akan menggunakan bahan-bahan seperti daun mengkuang, lidi, rotan dan buluh.”**

**MEMANG** tidak dapat dinafikan bahawa alam sekitar memainkan peranan yang amat penting kepada semua hidupan di muka bumi ini. Keindahan alam sekitar membantu dalam mencorakkan muka bumi dan memberikan inspirasi kepada kebanyakan manusia. Mencintai dan menyukai kecantikan alam sekitar boleh digambarkan sebagai tanda syukur kepada yang Maha Pencipta. Terdapat banyak manfaat alam sekitar kepada manusia tanpa mengira bangsa, agama dan latar belakang. Salah satu kumpulan masyarakat yang mengambil manfaat dalam keindahan alam sekitar adalah warga dan pengiat seni.

Terdapat banyak cabang seni yang boleh diterokai dan dipelajari pada hari ini, antaranya seni reka grafik, seni fotografi, seni tekstil, reka bentuk industri dan seni seramik. Setiap cabang seni ini saling berkait dan memberikan impak kepada kehidupan manusia. Walaubagaimapun, tanpa kita disedari terdapat unsur alam sekitar yang boleh dipelajari di dalam seni. Disini penulis akan memberikan beberapa penerangan hasil seni yang mengaplikasikan unsur alam sekitar.

Dalam kata lain, mana-mana tumbuhan yang mudah dilentur dan dibentuk serta berjalur adalah sesuai untuk dibuat anyaman. Selain daripada itu, motif popular pada anyaman adalah motif kelarai. Motif kelarai tumbuhan, abstrak, nama manusia dan haiwan adalah antara motif pilihan pada seni anyaman.

**“Selain daripada itu, seni ukiran kayu juga mengaplikasikan alam sekitar dalam penghasilannya. Seni ukiran kayu di Malaysia boleh didapati daripada kaum Melayu, Sabah, Sarawak dan Orang Asli.”**

Seni tradisi ini boleh dianggap unik kerana ia sering dikaji dan tercatat di dalam sejarah kesenian. Pada zaman dahulu, seni ini sering digunakan pada bangunan-bangunan seperti rumah kediaman dan istana. Jika diperhalusi, seni ukiran ini mempunyai metaforanya tersendiri. Jenis ukiran kayu yang digunakan juga berkisar dengan alam sekitar seperti motif pelbagai flora dan fauna. Antara nama motif ukiran kayu yang boleh didapati adalah pucuk paku, awan larat, bunga teratai dan ayam.

Seni tembikar atau seramik juga adalah seni yang berkaitan dengan alam sekitar. Seni tembikar popular di Malaysia adalah seni Labu Sayong. Labu sayong dihasilkan dengan menggunakan tanah yang dibentuk membentuk labu. Dahulunya, labu sayong ini digunakan untuk menyejuk dan menyimpan air. Pada hari ini, labu sayong berinovasi dan ditambah baik penggunaannya seperti dijadikan lampu dan cenderamata. Labu sayong juga ada menggunakan motif ornamen alam sekitar pada badannya. Sebagai contoh, motif bunga tanjong, bunga padi dan bunga lawang. Walaubagaimanapun motif-motif ini digarap dengan keadaan bentuk labu sayong itu sendiri dan menggunakan alatan khas.



Gambar 1. Labu Sayong  
Sumber: [Shopee.com.my/ayulabusayong](http://Shopee.com.my/ayulabusayong)

Seterusnya, hasil seni tampak seperti seni lukisan juga sebenarnya banyak menggunakan unsur-unsur alam sekitar dalam penghasilannya. Ada beberapa orang pelukis yang menggunakan unsur alam sekitar sebagai subjek utama penghasilan karya mereka. Mereka akan menghasilkan karya seni lukisan mengikut stail mereka tersendiri.

Sebagai contoh, pelukis bernama Zainon Abdullah banyak mengetengahkan hasil lukisan bertemakan alam sekitar seperti pada Siri Hembusan Angin dan Siri Dialong Dalam. Bagi pelukis Ali Akhbar Othman pula, beliau dilihat mengetengahkan stail lukisan berbeza tetapi masih mengekalkan elemen alam sekitar.



Lukisan Hembusan Angin 4: 2014 , Akrilik dan dakwat diatas kanvas oleh Zainon Abdullah.  
Sumber: <http://zainonabdullah1.blogspot.com/>

Bagi seni yang lebih moden seperti seni fotografi, seni rekaan grafik, seni animasi dan seni tekstil juga sebenarnya ada menerapkan unsur alam sekitar di dalam hasil seni mereka. Walaubagaimanapun, cara menterjemahkan hasil seni ini mungkin dihasilkan secara terus dan jelas atau dengan cara subjektif yang abstrak. Dengan adanya aktiviti penghasilan karya seni ini sebenarnya menjadikan alam sekitar lebih dihargai dan dinikmati secara tidak langsung. Pereka dan pelukis atau sesiapa sahaja yang terlibat dalam penghasilan hasil seni seharusnya menjadikan alam sekitar yang luas ini sebagai salah satu elemen penting dalam penghasilan karya mereka.

Kesimpulannya, seni dan alam sekitar adalah berkaitan antara satu sama lain. Alam sekitar boleh menjadi lubang dan sumber inspirasi kepada penggiat seni dalam menghasilkan hasil seni atau karya yang lebih baik, berinovasi dan bermutu tinggi. Perlu diingatkan bahawa alam sekitar di sekeliling kita sebenarnya adalah hasil seni agung yang telah diberikan oleh Maha Pencipta kepada kita semua. Oleh itu, nikmatilah seni dan alam sekitar dimana-mana sahaja.